



NOTIS MAKLUMAN (ULANGAN)

FORMAT SURAT PENGESAHAN DAN AKUJANJI OLEH PEGUAM YANG MENYEDIAKAN DOKUMEN PERJANJIAN JUAL BELI BAGI HARTANAH YANG MEMPUNYAI SEKATAN PINDAHAN HAKMILIK (*TITLE TRANSFER RESTRICTION*)

Bermula 1 Januari 2023, LPPSA berkehendakkan pelanggan untuk mengemukakan Surat Pengesahan dan Akujanji oleh peguam yang menyediakan dokumen perjanjian jual beli bagi harta tanah yang mempunyai sekatan pindahan hak milik seperti tanah rezab melayu, tanah adat, bumiputera atau orang asli, tanah izin Kerajaan Negeri dan lain-lain yang sama maksud dengannya bersama-sama dokumen permohonan pembiayaan kepada LPPSA.

Ini bagi memastikan harta tanah yang akan dibeli atau diambil alih oleh pelanggan menepati sekatan pindahan hak milik tersebut serta mengelakkan sebarang isu melibatkan urusan pindah milik harta tanah selepas kelulusan pembiayaan LPPSA.

Format surat ini boleh dimuat turun dari laman web rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my/ Pelanggan Baru/ Borang Sokongan Permohonan Pembiayaan](http://www.lppsa.gov.my/Pelanggan Baru/Borang Sokongan Permohonan Pembiayaan). Kegagalan pelanggan menggunakan format surat ini boleh menyebabkan maklumat tidak lengkap ketika proses kelulusan pembiayaan yang akan menyebabkan dikuiri oleh LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

10 JULAI 2023